

SEJARAH **Bab 3 - 4**

SOALAN OBJEKTIF

Jawab semua soalan.

BAHAGIAN A

- 1 Bagaimanakah pembesar Melayu memperoleh kawasan pegangan melombong bijih timah?
 - A Mendapat surat tauliah daripada sultan
 - B Memperoleh kawasan melombong bijih timah secara tender
 - C Membawa tawaran kepada sultan untuk membahagikan hasil perdagangan
 - D Mengukuhkan kuasa dengan meluaskan tanah jajahan yang kaya dengan hasil bijih timah

- 2 Pada abad ke-18, terdapat negeri-negeri Melayu telah menandatangani perjanjian untuk menjual bijih timah dengan Belanda.

Negeri manakah yang membuat perjanjian tersebut?


- I Perak
 - II Kedah
 - III Melaka
 - IV Selangor
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Perkembangan perlombongan bijih timah menjadikan Perak sebagai pengeluar bijih timah utama dunia.

Bandar yang wujud di Perak hasil daripada perkembangan pelombongan bijih timah ialah

- A Larut
- B Beruas
- C Kerian
- D Pangkalan Pegu

- 4 Peta berikut menunjukkan kawasan perlombongan emas di negeri-negeri Melayu.



Kawasan manakah yang terlibat dengan perlombongan emas di negeri-negeri Melayu?

- A Larut, Perak
- B Raub, Pahang
- C Kuala Lumpur
- D Semenyih, Selangor

- 5 Kaedah apakah yang digunakan oleh pedagang Eropah untuk melombong emas pada abad ke-19?

- A Mendulang
- B Melampan
- C Kapal korek
- D Lombong dedah

- 6 Mengapakah Raja Abdullah tidak ditabalkan sebagai Sultan Perak sedangkan baginda berhak dalam sistem penggiliran pewarisan takhta Kesultanan Perak?

- A Baginda tidak disukai oleh rakyat Perak
- B Baginda tidak mendapat sokongan daripada Ngah Ibrahim, Menteri Larut
- C Baginda tidak hadir ke upacara pemakaman Sultan Ali walaupun dijemput
- D Bantahan daripada Raja Yusuf yang bercita-cita ingin menaiki takhta setelah sekian lama diketepikan

- 7 Peta berikut menunjukkan kedudukan Sungai Linggi dalam daerah Sungai Ujong.



Mengapakah pembesar Negeri Sembilan bersaing mendapatkan Sungai Linggi?

- A Sungai Linggi kaya dengan hasil bijih timah
- B Pembesar yang menguasai Sungai Linggi mendapat hak memungut cukai terhadap pedagang bijih timah
- C Sungai Linggi merupakan benteng semula jadi untuk melindungi Negeri Sembilan daripada serangan musuh
- D Sungai Linggi berpotensi menjadi pelabuhan bebas yang sering dikunjungi oleh pedagang Barat dan China

- 8 Gambar berikut menunjukkan barang perhiasan hasil salah satu galian yang terdapat di negara kita.



Apakah kegunaan barang perhiasan tersebut dalam masyarakat Melayu?

- A Dijadikan pending kerabat diraja
- B Melambang kekayaan seseorang pembesar
- C Sebagai tukaran barang melalui sistem barter
- D Sebagai upah kepada golongan buruh yang membantu pembesar Melayu

- 9 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



Mengapakah Majlis Mesyuarat Negeri tidak mempunyai kuasa selepas pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- A Semua pentadbiran terletak di tangan Residen Jeneral
 - B Pesuruhjaya Tinggi British yang berhak membuat keputusan
 - C Raja-raja Melayu hanya boleh memberikan nasihat kepada Residen Jeneral dalam soal adat dan agama
 - D Majlis Mesyuarat Negeri hanya dianggotai oleh pembesar Melayu yang dilantik oleh kerajaan British
- 10 Apakah cara terbaik untuk menghalang penceroboh daripada memonopoli kekayaan sumber alam negara kita?
- A Menjemput banyak negara untuk melabur bagi mengimbangi kuasa
 - B Menghargai dan mempertahankan sumber kekayaan daripada dieksploitasi oleh pihak asing
 - C Meminta nasihat dan meminjam teknologi negara asing dan menukarkannya dengan penjualan sumber galian negara
 - D Memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sahaja agar kekayaan negara tidak dimonopoli pihak luar
- 11 Bagaimanakah bentuk hubungan luar yang djalinkan oleh Kedah dengan Siam?
- I Hubungan pentadbiran
 - II Hubungan diplomatik
 - III Membayar ufti sebagai pampasan
 - IV Melantik penasihat Siam dalam pentadbiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 12 Peranan Penggawa atau Penghulu dalam pentadbiran Kesultanan Melayu ialah
- menjaga keamanan
 - menyediakan tenaga kerja
 - melaksanakan perintah sultan
 - perantara antara pembesar dengan rakyat

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pemerintah bagi suatu negeri.

Tok	Kweng	atau	Penggawa
bertanggungjawab	mentadbir	kawasan	jajahan atau kweng.

Jawatan tersebut terdapat dalam pentadbiran negeri

- Kedah
 - Perlis
 - Melaka
 - Kelantan
- 14 Kesultanan Johor mewujudkan beberapa sistem pentadbiran moden untuk melicinkan pentadbiran.

Apakah sistem pentadbiran moden tersebut?

- Ahli Mesyuarat Negeri
 - Jabatan-jabatan kerajaan
 - Majlis Jemaah Diraja Johor
 - Ketua Kampung dan Penghulu
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

- 15 Jadual berikut menunjukkan kawasan yang dikuasai oleh negara Barat.

Negara Barat	Kawasan
Jerman	Pulau Langkawi
Rusia	X
British	Perak

Kawasan X ialah

- Singapura
 - Terengganu
 - Segenting Kra
 - Ujung Salang
- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan slogan kuasa Barat untuk meluaskan pengaruh.

Beban Orang Putih

Kuasa Barat yang menggunakan slogan tersebut dalam usaha campur tangan di negeri-negeri Melayu ialah

- Rusia
- British
- Perancis
- Portugis

- 17 Apakah cara yang dilaksanakan oleh British untuk menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang bagi membolehkan mereka mempunyai rangkaian terus perhubungan dengan India?

- Telefon
- Telegraf
- Kapal berkuasa wap
- Mengadakan persempadanan dengan Siam

- 18 Apakah kaedah yang digunakan oleh British untuk menghalang kuasa Barat lain menguasai negeri-negeri Melayu?

- Meminta bantuan ketenteraan Siam
- Mengadakan perjanjian dengan Siam
- Melantik sultan yang disukai oleh British
- Menandatangani perjanjian dengan kuasa Barat yang lain

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan strategi British untuk menguasai Johor.

British menawarkan pinjaman sebanyak 200, 000 dolar kepada Johor.

Mengapakah Sultan Johor menolak tawaran British tersebut?

- British mahu menempatkan Penasihat British
- British mahu membeli Kesang daripada Sultan Ali
- British mahu memanipulasi kewangan Johor yang kesannya menjejaskan ekonomi Johor
- British mahu menandatangani perjanjian dengan Sultan Ibrahim untuk menempatkan Konsul

- 20 Bagaimanakah cara kita menzahirkan rasa syukur atas kekayaan hasil bumi yang dimiliki?

- Memaksimumkan pencarian hasil galian
- Mengagihkan pendapatan secara sama rata antara negeri
- Memanfaatkan hasil bumi untuk kesejahteraan hidup masyarakat
- Mengundang negara lain untuk melabur dalam industri cari gali agar lebih berjaya saing